

HUBUNGAN FAKTOR KELUARGA TERHADAP TABIAT DAN MINAT  
MEMBACA DALAM KALANGAN MURID TAHAP 2, SEKOLAH JENIS  
KEBANGSAAN TAMIL

Oleh

MANIMARAN A/L PALANIAPPEN

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan  
bagi Ijazah Sarjana Pendidikan

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

MEI 2009

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia utama saya, Dr. Najeemah Mohd Yusof atas dorongan, bimbingan dan teguran beliau yang menjadi perangsang kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Saya juga turut mengucapkan terima kasih kepada penyelia bersama saya, Prof. Madya Dr. Khadijah Zon atas bimbingan dan panduan beliau.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang menaja pengajian saya di peringkat sarjana pendidikan. Penghargaan juga ditujukan kepada Bahagian Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM dan Jabatan Pelajaran Negeri Kedah kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang terpilih. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada guru-guru besar, guru-guru dan murid-murid yang membantu saya menjalankan kajian ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dekan, Timbalan Dekan dan pensyarah-pensyarah di PPIP yang turut membantu saya menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, ucapan khas dan penuh kasih sayang ditujukan kepada ayah dan ibu yang banyak berkorban, isteri yang setia Latha dan anak-anak Shyeamalan dan Nanthini yang banyak mengerti dan menjadi sumber inspirasi saya sepanjang saya menjalankan kajian ini.

**Manimaran A/L Palaniappen**

**Universiti Sains Malaysia**

<b>BAB 2:</b>	<b>TINJAUAN BACAAN DAN KAJIAN</b>	<b>26</b>
	<b>BERKAITAN</b>	
2.1	Pendahuluan	26
2.2	Definisi Membaca	27
2.3	Tujuan Membaca	28
2.4	Tabiat Membaca	29
2.5	Minat Membaca	30
2.6	Modal-modal Bourdieu Dan Kaitannya Dengan Faktor-faktor Keluarga	32
2.6.1	Modal Ekonomi	33
2.6.2	Modal Sosial	34
2.6.3	Modal Budaya	36
2.6.4	Modal Emosi	37
2.7	Faktor-faktor Keluarga Yang Mempengaruhi Tabiat dan Minat Membaca	39
2.7.1	Status Sosioekonomi Keluarga	39
2.7.2	Kemudahan dan Suasana Pembacaan Di rumah	46
2.7.3	Dorongan Keluarga	49
2.7.4	Pengalaman Sebelum Pendidikan Formal	58
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	61
2.9	Teori-teori Bacaan	62

2.9.1	Membaca Sebagai Satu Proses Kognitif	62
2.9.1.1	Model Interaktif-Pengganti	65
2.9.1.2	Teori Pemutusan Kendiri	67
2.9.1.3	Teori Perkembangan Literasi Holdaway	69
2.9.2	Membaca Sebagai Satu Proses Sosial	71
2.10	Kerangka Teori Kajian	73
2.11	Kesimpulan	75
<b>BAB 3:</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>77</b>
3.1	Pendahuluan	77
3.2	Reka Bentuk Kajian	77
3.2.1	Kaedah Kuantitatif	78
3.2.2	Kaedah Kualitatif	79
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	79
3.4	Instrumen Kajian	82
3.4.1	Kaedah Kuantitatif	82
3.4.2	Kaedah Kualitatif	86
3.5	Pentadbiran Instrumen Dan Pengumpulan Data	86
3.5.1	Pentadbiran Instrumen	86
3.5.2	Pengumpulan Data	87
3.6	Kajian Rintis	88

3.7	Tatacara Analisis Data	90
3.7.1	Analisis Kuantitatif	90
3.7.1.1	Analisis Statistik Deskriptif	90
3.7.1.2	Analisis Inferensi	90
3.7.2	Analisis Kualitatif	93
3.8	Kesimpulan	94
<b>BAB 4:</b>	<b>ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>95</b>
4.1	Pendahuluan	95
4.2	Latar Belakang Responden	96
4.2.1	Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina	96
4.2.2	Latar Belakang Responden Berdasarkan Penggunaan Bahasa Di Rumah	97
4.2.3	Latar Belakang Responden Berdasarkan Pendapatan Keluarga	97
4.2.4	Latar Belakang Responden Berdasarkan Pekerjaan Bapa	98
4.2.5	Latar Belakang Responden Berdasarkan Pekerjaan Ibu	99
4.2.6	Latar Belakang Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan Bapa	100
4.2.7	Latar Belakang Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan Ibu	101

4.3	Ujian Hipotesis	102
4.3.1	Keputusan Analisis Statistik Pengujian Hipotesis Kajian	104
4.3.2	Rumusan Hasil Kajian Kuantitatif	125
4.4	Analisis Dapatan Kualitatif	127
4.4.1	Dapatan Temu Bual Dengan Murid	127
4.4.2	Dorongan Ibu Bapa	130
4.4.3	Suasana Membaca Di Rumah	136
4.4.4	Rumusan Dapatan Kualitatif	141
<b>BAB 5:</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>143</b>
5.1	Pendahuluan	143
5.2	Perbincangan	144
5.2.1	Perbezaan Dalam Tabiat dan Minat Membaca Murid Berdasarkan Pendapatan Bulanan Keluarga	145
5.2.2	Hubungan Antara Tabiat dan Minat Membaca Murid Dengan Kelulusan Akademik Bapa	147
5.2.3	Hubungan Antara Tabiat dan Minat Membaca Murid Dengan Kelulusan Akademik Ibu	149
5.2.4	Perbezaan Dalam Tabiat dan Minat Membaca Murid Berdasarkan Pekerjaan Bapa	150
5.2.5	Perbezaan Dalam Tabiat dan Minat Membaca Murid Berdasarkan Pekerjaan Ibu	152

5.2.6	Hubungan Antara Tabiat dan Minat Membaca Murid Dengan Dorongan Ibu Bapa	153
5.2.7	Hubungan Antara Tabiat dan Minat Membaca Murid Dengan Suasana Di Rumah	155
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	156
5.4	Cadangan Berkaitan Dengan Dapatan Kajian	160
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	163
5.6	Kesimpulan	166
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	168
	<b>LAMPIRAN</b>	180

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Kriteria Bandar, Pinggir Bandar dan Ladang	80
Jadual 3.2	Pemilihan Sampel Kajian	82
Jadual 3.3	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Item	89
Jadual 3.4	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Item	89
Jadual 3.5	Tatacara Pemprosesan Data	92
Jadual 4.1	Latar Belakang Responden berdasarkan Jantina	96
Jadual 4.2	Latar Belakang Responden berdasarkan Penggunaan Bahasa Di Rumah	97
Jadual 4.3	Latar Belakang Responden berdasarkan Pendapatan Keluarga	98
Jadual 4.4	Latar Belakang Responden berdasarkan Pekerjaan Bapa	99
Jadual 4.5	Latar Belakang Responden berdasarkan Pekerjaan Ibu	100
Jadual 4.6	Latar Belakang Responden berdasarkan Taraf Pendidikan Bapa	101
Jadual 4.7	Latar Belakang Responden berdasarkan Taraf Pendidikan Ibu	102
Jadual 4.8	Min dan Sisihan Piawai Pendapatan Bulanan Keluarga Terhadap Tabiat Membaca	105
Jadual 4.9	Perbandingan Tabiat Membaca Murid berdasarkan Kumpulan Pendapatan Keluarga dengan Menggunakan Ujian-t	106
Jadual 4.10	Min dan Sisihan Piawai Pendapatan Bulanan Keluarga Terhadap Minat Membaca	107
Jadual 4.11	Perbandingan Minat Membaca Murid berdasarkan Kumpulan Pendapatan Keluarga dengan Menggunakan Ujian-t	108

Jadual 4.12	Korelasi Spearman's rho antara Tabiat Membaca Murid dengan Kelulusan Akademik Bapa	109
Jadual 4.13	Korelasi Spearman's rho antara Minat Membaca Murid dengan Kelulusan Akademik Bapa	110
Jadual 4.14	Korelasi Spearman's rho antara Tabiat Membaca Murid dengan Kelulusan Akademik Ibu	111
Jadual 4.15	Korelasi Spearman's rho antara Minat Membaca Murid dengan Kelulusan Akademik Ibu	112
Jadual 4.16	Min Dan Sisihan Piawai Pengaruh Kelas Pekerjaan Bapa Terhadap Tabiat Membaca	113
Jadual 4.17	Jadual ANOVA Perbezaan Tabiat Membaca Murid berdasarkan Kelas Pekerjaan Bapa	114
Jadual 4.18	Perbandingan <i>post-hoc Tukey HSD</i> Terhadap Tabiat Membaca Murid berdasarkan Kelas Pekerjaan Bapa	114
Jadual 4.19	Min Dan Sisihan Piawai Pengaruh Kelas Pekerjaan Bapa Terhadap Minat Membaca	115
Jadual 4.20	Jadual ANOVA Perbezaan Minat Membaca Murid berdasarkan Kelas Pekerjaan Bapa	116
Jadual 4.21	Perbandingan <i>post-hoc Tukey HSD</i> Terhadap Minat Membaca Murid berdasarkan Kelas Pekerjaan Bapa	117
Jadual 4.22	Min Dan Sisihan Piawai Pengaruh Kelas Pekerjaan Ibu Terhadap Tabiat Membaca	118

Jadual 4.23	Jadual ANOVA Perbezaan Tabiat Membaca Murid berdasarkan Kelas Pekerjaan Ibu	118
Jadual 4.24	Min Dan Sisihan Piawai Pengaruh Kelas Pekerjaan Ibu Terhadap Minat Membaca	119
Jadual 4.25	Jadual ANOVA Perbezaan Minat Membaca Murid berdasarkan Kelas Pekerjaan Ibu	120
Jadual 4.26	Korelasi Pearson antara Tabiat Membaca Murid dengan Dorongan Ibu bapa	121
Jadual 4.27	Korelasi Pearson antara Minat Membaca Murid dengan Dorongan Ibu bapa	122
Jadual 4.28	Korelasi Pearson antara Tabiat Membaca Murid dengan Suasana Di Rumah	123
Jadual 4.29	Korelasi Pearson antara Tabiat Membaca Murid dengan Suasana Di Rumah	124
Jadual 4.30	Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis	125

## SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Putaran Pembaca Yang Lemah	56
Rajah 2.2	Putaran Pembaca Yang Baik	57
Rajah 2.3	Kerangka Konseptual Kajian	61
Rajah 2.4	Model Bacaan Interaktif	64
Rajah 2.5	Kesan Matthew Atas Pembaca Yang Gigih	66
Rajah 2.6	Kesan Matthew Atas Pembaca Yang Lemah	67
Rajah 2.7	Proses Sosialisasi	72
Rajah 2.8	Interaksi Pembelajaran Sosial	73
Rajah 2.9	Kerangka Teori Kajian	75

## SENARAI SINGKATAN

3M	Menulis Membaca dan Mengira
ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
M1SB	Murid 1 Sekolah Bandar
M1SL	Murid 1 Sekolah Ladang
M1SPB	Murid 1 Sekolah Pinggir Bandar
M2SB	Murid 2 Sekolah Bandar
M2SL	Murid 2 Sekolah Ladang
M2SPB	Murid 2 Sekolah Pinggir Bandar
M3SB	Murid 3 Sekolah Bandar
M3SL	Murid 3 Sekolah Ladang
M3SPB	Murid 3 Sekolah Pinggir Bandar
OECD	<i>Organisation for Economic Cooperation and Development</i>
PISA	<i>Programme for International Student Assessment</i>
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SJK(T)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation</i>
YSS	Yayasan Strategik Sosial

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Borang Soal Selidik (Bahasa Melayu)	180
Lampiran 2	Borang Soal Selidik (Bahasa Tamil)	186
Lampiran 3	Panduan Soalan Temu Bual (Bahasa Melayu)	192
Lampiran 4	Panduan Soalan Temu Bual (Bahasa Tamil)	193
Lampiran 5	Transkrip Temu Bual (Bahasa Melayu)	194
Lampiran 6	Transkrip Temu Bual (Bahasa Tamil)	216

# HUBUNGAN FAKTOR KELUARGA TERHADAP TABIAT DAN MINAT MEMBACA DALAM KALANGAN MURID TAHAP 2, SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan faktor keluarga terhadap tabiat dan minat membaca dalam kalangan murid Tahap 2, di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Faktor keluarga yang diteliti dalam kajian ini adalah pendapatan keluarga, taraf pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa, dorongan ibu bapa untuk membaca dan suasana membaca di rumah. Dua kaedah pengumpulan data digunakan dalam kajian ini, iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Dalam kaedah kuantitatif, soal selidik yang mengandungi 48 soalan yang menggunakan skala likert telah digunakan sebagai instrumen kajian. Seramai 275 murid Tahap 2 menjadi responden kajian. Teknik temu bual telah digunakan dalam pendekatan kualitatif. Sembilan orang murid terlibat dalam temu bual bersemuka itu. Data kuantitatif telah dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS version 14.0 for Windows*. Analisis statistik yang digunakan ialah Ujian-t, *Analysis of Variance* (ANOVA), Korelasi Pearson dan Korelasi Spearman's rho. Keputusan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tabiat dan minat membaca murid berdasarkan pendapatan ibu bapa. Walau bagaimanapun, keputusan ujian korelasi menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara tabiat dan minat membaca murid dengan pendidikan ibu bapa, dorongan ibu bapa dan suasana membaca di rumah. Dapatan analisis statistik turut menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam tabiat dan minat membaca berdasarkan pekerjaan bapa. Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pekerjaan ibu. Dapatan temu bual didapati menyokong data yang diperoleh melalui analisis data soal selidik. Kajian ini telah membuktikan bahawa faktor keluarga mempengaruhi tabiat dan minat membaca murid secara positif.

# **THE INFLUENCE OF FAMILY FACTORS ON READING HABITS AND INTEREST AMONG LEVEL 2 PUPILS IN NATIONAL TYPE TAMIL SCHOOLS**

## **ABSTRACT**

The aim of this study was to identify the relationship of family factors on the reading habits and interest among level 2 pupils of National Type Tamil Schools. The family factors analysed in this study were family income, parents' education level, parents' occupation, parents' encouragement to read and home reading environment. Two methods of data collection were employed, namely quantitative method and qualitative study. In quantitative method, a questionnaire consisting of 48 questions was utilized as the survey instrument. A total of 275 Level 2 primary school pupils participated in the survey. Interview technique was used in the qualitative approach. Nine pupils participated in the face-to-face interviews. Quantitative data were analysed using SPSS Version 14.0 Programme for Windows. The statistical analysis used were the t-test, Analysis of Variance (ANOVA), Spearman's Correlation, and Pearson Correlation. Survey results revealed that there was no significant difference in reading habit and interest based on family income. However, results from correlation tests indicated significant relationships between pupils' reading habits and interest and parents' level of education, parents' encouragement and home reading environment. The statistical analysis further indicated a significant difference in pupils reading habit and interest based on fathers' occupation. However, the findings showed there was no significant difference based on mothers' occupation. The findings from interviews complement the data procured from the questionnaire analysis. The research established that family factors positively influence pupils reading habits and interest.

# BAB I

## Pengenalan

### 1.1 PENDAHULUAN

Dalam Kongres Sedunia Tentang Buku Dan Bacaan yang dianjurkan oleh UNESCO di London pada tahun 1982, Malaysia turut menandatangani Deklarasi London 'Ke arah Masyarakat Membaca' (Atan Long, 1986). Tujuan utama deklarasi ini adalah mewujudkan masyarakat membaca dengan menanam minat membaca yang meluas sebagai hasrat negara. Usaha menggalakkan tabiat dan minat membaca ini juga merupakan satu perubahan dalam fokus negara, iaitu daripada mewujudkan masyarakat yang berliterasi kepada masyarakat membaca dan berfikir (Raja Abdullah Yaacob, 1984; Yip, 1997). Perubahan fokus ini juga bersesuaian dengan perubahan matlamat kerajaan, iaitu daripada "pendidikan asas kepada semua" kepada "pendidikan berkualiti kepada semua." ( Yip, 1997: 132). Pendidikan asas berfokus kepada penguasaan asas 3M, iaitu Membaca, Menulis, dan Mengira. Pendidikan berkualiti pula memberi tumpuan kepada usaha melahirkan individu secara menyeluruh seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN) serta mengutamakan tabiat membaca sebagai satu strategi untuk memupuk pembelajaran sepanjang hayat (Gengatharan, 1999).

Sepanjang empat dekad yang lalu, Malaysia telah melaksanakan usaha-usaha yang besar dan gigih untuk mengatasi masalah berkaitan dengan tabiat membaca. Kebolehan untuk membaca dan menulis dilihat sebagai asas paling penting dalam pendidikan dan

pembangunan negara. Hakikatnya, kita sekarang berada dalam satu dunia baru dan berhadapan dengan pengalaman dan perubahan sosial yang menakjubkan. Istilah dunia baru, literasi baru dan pembelajaran baru adalah tema yang saling berkaitan (Ambigapathy, 2006). Justeru, sebagai persediaan untuk memasuki abad ke-21, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah merancang sistem pendidikan yang sesuai dengan tuntutan masa kini dan aspirasi masa hadapan. Sehubungan dengan itu juga, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang komprehensif dirangka untuk merealisasikan visi negara.

Antara matlamat FPN adalah melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Dasar-dasar pendidikan negara seperti Penyata Razak, Penyata Rahman Talib, Akta Pelajaran 1961, dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 serta Rukunegara dijadikan asas untuk merangka FPN. Seterusnya, pada tahun 1995, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan misi baru bertujuan untuk membangunkan sistem pendidikan berkualiti yang bertaraf dunia bagi mengembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia. Seterusnya, pembentangan Rang Undang-undang Pendidikan 1995 (Akta Pendidikan 1996) dan usaha penggubalan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan ke Arah Tahun 2020 merupakan langkah-langkah penting KPM untuk menyediakan pendidikan yang lengkap dan kemas kini serta menetapkan matlamat dan fokus strategik bagi membawa sistem pendidikan negara ke abad 21.

Landasan asas untuk mencapai kebolehan membaca dengan fasih telah diletakkan apabila KPM memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1982. Langkah ini adalah berdasarkan cadangan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 yang menekankan sistem pendidikan yang memberi keutamaan kepada penguasaan kemahiran asas 3M, iaitu membaca, menulis, dan mengira. Oleh sebab penekanan KBSR kini lebih tertumpu kepada kesepaduan kemahiran, maka pada tahun 1993 Kurikulum Baru Sekolah Rendah diubah kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Kurikulum bersepadu ini memberi penekanan kepada usaha melahirkan insan yang menguasai kemahiran literasi yang menyeluruh.

Hakikatnya, masyarakat membaca adalah masyarakat yang berjaya. Usaha melahirkan masyarakat yang mempunyai tabiat membaca sepanjang hayat adalah asas dalam pembentukan negara bangsa yang bersikap inovatif, kreatif, dan berdaya maju (Ambigapathy, 1999). Malaysia, dengan dasar sosioekonomi lima tahun serta Dasar Ekonomi Baru, sedang menuju fasa baru yang lebih mencabar dalam pembentukan negara. Kini, kita dibimbing oleh Wawasan 2020 yang berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya dari segi politik, sosial dan rohani menjelang tahun 2020 (Mariam Abdul Kadir, 1997).

Menjelang tahun 2020, Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah negara yang maju mengikut acuan sendiri, iaitu mencapai kemajuan yang seimbang dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan. Malaysia mahu menjadi sebuah negara yang masyarakatnya progresif dan makmur serta berdaya tahan. Misi Nasional (Rancangan Malaysia kesembilan hingga ke sebelas) memberi fokus kepada pembentukan modal insan yang berkualiti. Dalam konteks ini, pembangunan pelajaran diberi tumpuan.

Pelajar merupakan aset negara yang paling berharga dan merupakan generasi pelapis bangsa Malaysia. Dalam konteks dunia global, modal insan yang bermutu tinggi adalah satu kemestian. Sehubungan dengan itu, pembangunan modal insan dan anjakan minda merupakan cabaran terbesar yang perlu dipikul semua pihak untuk merealisasikan wawasan negara. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berusaha untuk melahirkan modal insan celik minda, minda kelas pertama dan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Penguasaan ilmu adalah salah satu cara untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Dalam konteks inilah tabiat membaca memainkan peranan yang penting. Tabiat membaca bukan sahaja memperkaya minda tetapi mengasah daya intelek pembaca (Panigrahi, 1998).

Tabiat membaca ini dapat mewujudkan sebuah bangsa membaca. Bangsa membaca seterusnya melahirkan tenaga kerja mahir yang memiliki keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan serta mempelajari kemahiran-kemahiran baru. Tenaga kerja yang dinamik, produktif dan berkebolehan dalam pelbagai bidang akan menentukan pencapaian aspirasi negara (Yip, 1997). Jelas sekali, agenda untuk melahirkan masyarakat membaca adalah tonggak dalam mencapai wawasan 2020.

Tabiat membaca mempunyai hubungan langsung dengan penguasaan ilmu. Penguasaan ilmu adalah komponen penting dalam strategi kemajuan negara, terutama dalam membangunkan ilmu pengetahuan dan mengeksploitasi sumber maklumat dalam mewujudkan komuniti baru yang mengambil bahagian secara aktif dalam pentadbiran dan kemajuan rakyat (Ambigapathy, 2001). Perkembangan pendidikan kini banyak dipengaruhi oleh kemajuan teknologi maklumat, kemunculan pasaran buruh antarabangsa, hubungan saling bergantung antara negara dan perkembangan industri berasaskan pengetahuan

(Kell, 2001). Anjakan pendidikan dan pasaran kerja secara radikal menuntut penguasaan ilmu yang tinggi dan cepat. Masyarakat yang menginginkan kemajuan yang berterusan sepatutnya mempunyai tabiat membaca yang berterusan sepanjang hayat. Tanpa tabiat membaca yang berterusan dan mendalam, usaha melahirkan warga celik minda dan berinformasi akan terbantut.

Masyarakat di negara industri perlu menguasai budaya ilmu yang tinggi, nilai, pengetahuan, dan kemahiran untuk menyesuaikan diri mereka dan menjadi *'marketable'* dalam masyarakat yang kompleks ini (Marjoribanks, 2004). Malaysia yang berhasrat untuk mencapai tahap negara maju perlu memastikan aspek-aspek ini dikuasai. Nilai-nilai hidup dan kemahiran ini boleh dicapai melalui pendidikan dan sokongan dalam keluarga.

Budaya ilmu adalah cara hidup, amalan dan kepercayaan dalam masyarakat. Oleh itu, budaya ilmu adalah amalan masyarakat yang mementingkan pemerolehan dan perkembangan ilmu pengetahuan berlandaskan kepercayaan bahawa ilmu dapat mengubah taraf hidup masyarakat daripada mundur kepada maju, bertamadun, progresif, dan moden (Sufean Hussin, 2004). Gemar membaca dan mengekalkan tabiat membaca ini sepanjang hayat adalah asas dalam budaya pemerolehan ilmu. Pelajar yang tidak tahu membaca dan menulis mungkin cerdik dan berguna tetapi mereka mengalami kekurangan yang sangat mendukacitakan kerana tidak dapat mengikuti perkembangan melalui media cetak (Blake & Blake, 2002). Mengikut mereka juga, kebolehan membaca dan menulis adalah “nadi kemajuan dunia dan hak asasi manusia” (m.s. 1)

Membaca, satu daripada dua komponen utama kemahiran literasi, bagi kebanyakan orang adalah satu alat untuk belajar. Walau bagaimanapun, membaca juga satu sumber keseronokan, kepuasan, dan kemajuan kepada mereka yang membaca semata-mata kerana

itu adalah kegemaran mereka. Bagi mereka, membaca adalah satu tabiat, satu budaya hidup (Gengatharan Das, 1999). Menurut Staigner (1982: 5; 1999), tabiat membaca adalah “satu tabiat yang dipelajari, sama seperti tabiat-tabiat lain. Tabiat ini dianggap penting oleh kebanyakan orang yang berpendidikan dan tabiat inilah yang berpengaruh atas individu dan negara.” Daripada tanggapan ini bolehlah disimpulkan bahawa tabiat membaca boleh dikembangkan dan dipromosikan sebagai satu tabiat yang penting dan boleh dipelajari serta penting kepada individu dan negara.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

“Membaca adalah latihan untuk minda”(Sir Richard Steel dalam Sousa, 2005: 1). Belajar untuk membaca dihargai dan dipandang tinggi oleh kebanyakan budaya dan kebolehan untuk membaca dianggap sebagai objektif paling asas dalam pendidikan (Strommen & Mates, 2004). Dalam kalangan mereka yang boleh membaca, terdapat ramai yang meluangkan masa lapang dengan menonton televisyen, mendengar radio, atau mengambil bahagian dalam aktiviti rekreasi yang lain. Peningkatan kadar kebolehan membaca tidak terjelma sebagai tabiat membaca atau dalam kata-kata lain, tidak wujud budaya membaca. Dasar Kementerian Pelajaran Malaysia adalah membina negara bangsa yang mengutamakan perpaduan serta mempunyai identity nasional yang dikongsi bersama. Di samping itu, Kementerian Pelajaran juga berhasrat membangunkan sumber manusia yang bersesuaian dengan keperluan negara, iaitu “berfikiran dan berbudaya saintifik” (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010: 40).

Hakikatnya, hal ini belum dapat dicapai sepenuhnya. Potensi individu yang berfikiran dan berbudaya saintifik dapat dicungkil sepenuhnya apabila tabiat membaca sepanjang hayat menjadi kenyataan. Tabiat membaca sepatutnya diamalkan sepanjang hayat, merangkumi semua kemahiran dan cabaran pengetahuan manusia, dan dikembangkan melalui semua cara yang munasabah (Cope & Kalantzis, 2000). Walau bagaimanapun, lima kajian utama yang dijalankan oleh Atan Long et al. (1984), Institut Kajian Pembangunan Sabah dan Perpustakaan Negeri Sabah (1992), Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Terengganu Darul Iman dan Institut Teknologi Mara (1992) dan Perpustakaan Negara Malaysia (1996) memberi gambaran yang jelas tentang kekurangan tabiat dan minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kajian Perpustakaan Negara Malaysia (1996) tentang kebolehan dan amalan membaca dalam kalangan kanak-kanak 10 tahun ke atas mendapati 93% boleh membaca tetapi 87% sahaja yang mengamalkan tabiat ini. Pola yang nyata daripada dapatan kajian ini adalah rakyat Malaysia semakin kurang membaca apabila mereka semakin dewasa. Hampir 50% kanak-kanak dalam lingkungan umur 10-14 tahun tidak berminat untuk membaca. Kajian ini juga menyatakan bahawa rakyat Malaysia hanya membaca 2 buah buku setahun. Ada pengkaji yang mengatakan bahawa masyarakat Malaysia, secara purata, membaca setengah muka surat setahun. Kadar ini jauh kurang daripada 80 muka surat yang dicadangkan oleh UNESCO sebagai bacaan masa lapang. Ramai rakyat Malaysia tidak langsung membaca surat khabar pada setiap hari.

Senario ini dikaitkan dengan satu gejala lain iaitu 'keengganan untuk membaca' (*reading reluctance*). Fenomena ini berkaitan dengan mereka yang tahu membaca tetapi tidak mahu membaca. Tabiat ini sudah mula menggantikan masalah tidak boleh membaca

sebagai ancaman besar masyarakat kita. Tabiat ini akan memberi kesan terhadap semua tahap pendidikan dan sosioekonomi. Kempen-kempen seperti Tahun Pembaca dan Masyarakat Membaca Masyarakat Maju dilancarkan. Perpustakaan Negara Malaysia menjalankan aktiviti seperti Perpustakaan Keluarga, '*E-Library User Education Module*', Program Bacaan Kegemaran saya, Kem Galakan Belia Membaca, '*Info-Hunt*', dan '*Bookathon*.' Malangnya, tabiat dan minat membaca rakyat Malaysia masih belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan.

Amalan membaca menduduki tempat teratas dalam membantu perkembangan minda anak kecil. Usaha membudayakan tabiat membaca perlu bermula di rumah. Ibu bapalah yang bertanggungjawab dalam memupuk semangat mencintai ilmu dalam diri anak masing-masing (Siti Aishah & Harleeza, 2002). Walau bagaimanapun, pengaruh dan penglibatan keluarga dalam mengembangkan tabiat dan minat membaca dalam kalangan kanak-kanak semakin merosot peranannya.

Kajian oleh Chakravarthy (1998; 1999) membuktikan bahawa keluarga memainkan peranan yang cukup berkesan dalam memupuk tabiat membaca. Menurut Chakravarthy (1997), gaya hidup keluarga, hubungan antara anak dengan ibu bapa di rumah dan taraf sosioekonomi keluarga mempunyai pertalian yang rapat dengan pemupukan tabiat dan minat membaca. Chakravarthy juga melahirkan kebimbangannya terhadap perubahan drastik yang berlaku dalam struktur keluarga apabila lebih ramai kaum wanita bekerja. Apakah akan berlaku kepada anak-anak yang ditinggalkan di rumah? Siapakah yang akan menjaga dan membimbing mereka? Malah, menurut Chakravarthy (1997), ibu bapa sukar mencari masa untuk berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Kajian Chakravarthy (2001) pula membuktikan bahawa bacaan intimasi antara ibu dengan anak meninggalkan

kesan yang positif dalam memupuk minat membaca anak. Justeru, jelaslah bahawa ibu bapa mempunyai tanggungjawab besar dalam memupuk tabiat dan minat membaca dalam diri anak mereka.

Malaysia giat menuju ke arah mencapai status industrialisasi dan status negara maju menjelang tahun 2020. Untuk mencapai impian ini sumber manusia akan menjadi elemen penting (UNESCO 1988). Malah, perkembangan di peringkat global membawa kesan yang mendalam kepada Malaysia yang bersedia untuk memulakan satu proses perubahan daripada masyarakat membangun kepada masyarakat berpengetahuan (Ambigapathy, 2006). Sistem pendidikan mesti melahirkan masyarakat yang boleh bijak berfikir dan inovatif. Selaras dengan itu, keupayaan melahirkan masyarakat yang boleh membaca dan berminat untuk terus membaca akan menjadi salah satu cabaran utama kepada ibu bapa dan warga pendidik dalam merealisasikan Wawasan 2020.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Pada tahun 1957, 50 peratus sahaja masyarakat Malaysia yang boleh membaca. Pada tahun 1994 kadarnya adalah 78.4 peratus. Hasrat kerajaan adalah mencapai kadar 100 peratus menjelang tahun 2000. Tetapi hasrat tersebut tidak menjadi realiti. Di sini timbul dua persoalan yang perlu diberi perhatian serius:

1. Adakah semua murid di sekolah rendah telah mencapai tahap kemahiran membaca yang diharapkan oleh KPM?

2. Adakah semua murid yang sudah menguasai kemahiran membaca mempunyai tabiat dan minat untuk meneruskan tabiat tersebut?

Mengikut statistik Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), 155, 000 (7.7%) murid tahap satu sekolah rendah belum menguasai kemahiran 3M pada tahun 2004. Kadar keciciran dalam kalangan murid sekolah rendah adalah 1.9% di bandar dan 1.2% di luar bandar (1999-2004). Hal ini membuktikan bahawa masih ada kelemahan yang perlu diatasi untuk memastikan aktiviti membaca menjadi tabiat masyarakat.

Sebenarnya, dapatan kajian-kajian yang dijalankan oleh Atan Long et al. (1984), Kerajaan Negeri Terengganu (1992), Frank Small dan Association untuk Perpustakaan Negara Malaysia (1996), Chakravarthy (1999), dan Gengatharan (1999) jelas membuktikan tabiat membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia berada pada tahap yang kurang memuaskan. Kajian mereka memberi fokus terhadap tabiat membaca masyarakat Malaysia secara menyeluruh. Kajian yang dijalankan secara khusus terhadap tabiat dan minat membaca dalam kalangan murid dalam lingkungan umur 10 hingga 13 tahun yang dianggap sebagai zaman 'asyik membaca' masih kurang (Lamme, 1976).

Kajian tentang tabiat dan minat membaca dalam kalangan murid di SJK(T) memang sangat kurang. Mengikut Santhiram (1999), kajian-kajian tentang kumpulan minoriti di Malaysia, terutama kaum India adalah terlalu sedikit. Isu-isu pendidikan golongan minoriti di Malaysia tidak banyak didokumentasikan (Dhanapal, 2006). Menurut Santhiram lagi, kajian-kajian yang sedia ada menyentuh sedikit sebanyak tentang masalah pekerja ladang dan masalah penguasaan bahasa di sekolah Tamil. Kajian tentang pengaruh latar belakang sosioekonomi terhadap pendidikan amat sedikit (Santhiram, 1999).

Marimuthu (1975) pernah mengkaji hubungan latar belakang keluarga India dengan aspirasi pekerjaan dan pendidikan dalam kalangan belia India. Terdapat juga beberapa kajian tentang penguasaan Bahasa Malaysia dalam kalangan murid sekolah Tamil (Gunasagaran, 1999). Selain itu, Yayasan Strategik Sosial (YSS), sebuah badan di bawah naungan Malaysian Indian Congress (MIC) turut mengkaji masalah-masalah pendidikan khususnya masalah sekolah Tamil secara kualitatif tanpa sebarang sokongan atau rujukan ilmiah.

Terdapat suatu kajian di Universiti Utara Malaysia oleh Radha Krishnan (1995) yang mengkaji kepuasan dan komitmen guru sekolah Tamil dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid sekolah Tamil di Negeri Sembilan. Balakrishnan (1997) pula membuat kajian mengenai pengurusan masa oleh guru besar sekolah Tamil di Negeri Kedah. Annamalai (2003) pernah mengkaji punca masalah tingkah laku pelencongan pelajar India di sekolah menengah. Selvarani (1999) pernah mengkaji kebolehan membaca dalam bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah Tamil. Santhiram (1999) pernah mengkaji masalah golongan minoriti dengan memberi tumpuan kepada murid sekolah Tamil. Kajiannya memberi penekanan kepada latar belakang murid sekolah Tamil dan impaknya terhadap penguasaan literasi. Gengatharan (1999) pula membuat kajian tentang tabiat dan minat membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Sebahagian daripada responden kajiannya melibatkan murid sekolah Tamil di Pulau Pinang. Bagaimanapun, kajian-kajian ini tidak memberi fokus kepada persepsi murid terhadap peranan faktor keluarga dalam pemupukan tabiat dan minat membaca. Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada persepsi murid tentang latar belakang keluarga.

Kajian pada tahun 1998 menunjukkan 14, 743 orang murid (7- 12 tahun) dari sekolah Tamil tidak dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di sekolah akibat pelbagai masalah dalam keluarga (Sinnappan, 2000). Kumpulan murid ini tercicir daripada mempelajari kemahiran asas pendidikan. Mengikut statistik Semparuthi dalam kajian yang sama, 60% bapa murid sekolah Tamil mempunyai tabiat minum arak dan 10% lagi ada tabiat penagihan dadah. Persoalan yang timbul di sini adalah bagaimana ibu bapa daripada latar belakang seumpama ini dapat membimbing anak mereka untuk membaca? Mampukah ibu bapa mewujudkan suasana membaca yang kondusif di rumah agar anak mereka membaca?

Ibu bapa selalu memberi alasan bahawa mereka tidak ada masa untuk membimbing anak-anak mereka agar meminati aktiviti bacaan. Mereka sibuk dengan tugas masing-masing. Hal ini ketara dalam kalangan ibu bapa yang bekerja di kilang-kilang perindustrian dan kebanyakan daripada mereka bekerja sebagai buruh am (Sharifah Azura, 2004). Mereka yang bekerja shift menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan masa kerja dengan masa yang sepatutnya diluangkan bersama anak-anak. Ibu bapa terpaksa pula bekerja pada hari rehat dan cuti umum untuk menampung kos hidup yang semakin tinggi. Masa ibu bapa dihabiskan untuk berulang-alik ke tempat kerja. Impaknya, ibu bapa tidak dapat meluangkan masa bersama anak mereka. Kanak-kanak yang terbiar ini tidak mendapat motivasi yang cukup untuk menceburi aktiviti yang berfaedah seperti membaca. Mereka lebih rela menghabiskan masa dengan rakan-rakan dan seterusnya mempelajari tabiat-tabiat yang negatif (Majalah Semparuthi, September 2005).

Sebenarnya, masalah dalam kalangan generasi muda India amat membimbangkan. Masyarakat India mewakili 7.7% daripada jumlah penduduk Malaysia. Malangnya, mereka mewakili 53% daripada jumlah tahanan di Simpang Renggam (Semparuthi, 2005: 5). Kajian Sidhu (2005) menyatakan bahawa daripada 285 kumpulan samseng yang dikenal pasti, 92 kumpulan samseng dianggotai generasi muda India. Menurut kajian yang sama, ramai golongan muda India terlibat dengan kongsi gelap, minum arak, penyalahgunaan dadah dan kes-kes jenayah yang lain. Senario ini membuktikan bahawa masalah kaum India ini perlu diberi perhatian serius. Kajian mengenai pengaruh faktor keluarga terhadap tabiat membaca ini, walaupun dijalankan secara mikro, dapat memberi sedikit gambaran mengapa tabiat negatif menular dalam kalangan generasi muda.

Kemiskinan, suasana hidup, pengaruh media terutama filem Tamil selalu dikaitkan dengan kegagalan mereka dalam pelajaran (Majalah Semparuthi, Oktober, 2000). YSS yang membuat satu kajian berjudul '*Plantation Workers Towards The New Millennium*' merumuskan bahawa masyarakat India kurang mendapat faedah yang sepatutnya daripada program-program ekonomi dan sosial yang dilaksanakan oleh kerajaan. Hal ini menyebabkan mereka ketinggalan dalam semua bidang. Di samping itu, terdapat juga ibu bapa yang menganggap membaca (selain buku teks) sebagai tidak berfaedah lalu tidak menggalakkan anak-anak mereka membaca. Kebanyakan masa kanak-kanak ditumpukan dalam mengulangkaji, mengikuti kelas-kelas tuisyen dan menjawab model soalan peperiksaan.

Kajian ini memberi fokus kepada pengaruh faktor latar belakang keluarga murid terhadap tabiat dan minat membaca. Kajian akan memberi perhatian khusus kepada faktor sosioekonomi keluarga, kemudahan prasarana rumah, suasana membaca di rumah dan

galakan ibu bapa . Kajian ini akan melihat sama ada faktor keluarga meninggalkan kesan terhadap penguasaan tabiat dan minat membaca dalam kalangan murid di SJK(T).

#### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh dan hubungan faktor keluarga terhadap tabiat dan minat membaca dalam kalangan murid Tahap 2 di SJK(T), Daerah Kulim, Kedah Darul Aman.

Objektif khusus kajian adalah :

- i. Untuk mengenal pasti hubungan antara tabiat dan minat membaca kanak-kanak dengan kelulusan akademik ibu bapa, dorongan ibu bapa dan suasana di rumah.
- ii. Untuk mengenal pasti perbezaan dalam tabiat dan minat membaca kanak-kanak berdasarkan pekerjaan ibu bapa dan pendapatan keluarga.

#### **1.5 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini cuba menjawab persoalan-persoalan berikut;

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tabiat membaca murid berdasarkan pendapatan bulanan keluarga?

2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat membaca murid berdasarkan pendapatan bulanan keluarga?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tabiat membaca murid dengan kelulusan akademik bapa?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca murid dengan kelulusan akademik bapa?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tabiat membaca murid dengan kelulusan akademik ibu?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca murid dengan kelulusan akademik ibu?
7. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tabiat membaca murid berdasarkan pekerjaan bapa?
8. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat membaca murid berdasarkan pekerjaan bapa?
9. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tabiat membaca murid berdasarkan pekerjaan ibu?

10. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat membaca murid berdasarkan pekerjaan ibu?
11. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tabiat membaca murid dengan dorongan ibu bapa?
12. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca murid dengan dorongan ibu bapa?
13. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tabiat membaca murid dengan suasana di rumah?
14. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca murid dengan suasana di rumah?
15. Apakah input dorongan ibu bapa dan suasana di rumah terhadap tabiat dan minat membaca?

## 1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan persoalan kajian, hipotesis berikut akan diuji.

- Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tabiat membaca murid berdasarkan pendapatan bulanan keluarga.
- Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat membaca murid berdasarkan pendapatan bulanan keluarga.
- Ho 3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tabiat membaca murid dengan kelulusan akademik bapa.
- Ho 4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca murid dengan kelulusan akademik bapa.
- Ho 5 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tabiat membaca murid dengan kelulusan akademik ibu.
- Ho 6 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca murid dengan kelulusan akademik ibu.

- Ho 7 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tabiat membaca murid berdasarkan pekerjaan bapa.
- Ho 8 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat membaca murid berdasarkan pekerjaan bapa.
- Ho 9 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tabiat membaca murid berdasarkan pekerjaan ibu.
- Ho 10: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat membaca murid berdasarkan pekerjaan ibu.
- Ho 11: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tabiat membaca murid dengan dorongan ibu bapa.
- Ho 12: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca murid dengan dorongan ibu bapa.
- Ho 13: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tabiat membaca murid dengan suasana di rumah.
- Ho 14: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca murid dengan suasana di rumah.

## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara umum, dapatan kajian ini akan membantu usaha-usaha mencapai wawasan 2020. Dalam era informasi ini, masyarakat membaca adalah mercu tanda sebuah negara yang progresif dan merupakan aset bernilai tinggi dalam mengekalkan kestabilan politik, kemajuan ekonomi, serta perubahan sosial. Cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini boleh membantu kerajaan dalam mencapai hasrat tersebut.

Negara kita memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi untuk menghadapi cabaran ekonomi global. Penguasaan k-ekonomi memerlukan tenaga kerja yang dinamik, mempunyai pelbagai kemahiran dan berpengetahuan luas. Hal ini hanya dapat dicapai jika kita dapat mewujudkan masyarakat yang membudayakan tabiat membaca. Kajian ini akan membantu pihak kerajaan mengenal pasti faktor-faktor keluarga yang mengekang tabiat membaca dan seterusnya merangka strategi untuk menanganinya.

Kanak-kanak yang tinggal di persekitaran yang serba kekurangan adalah kanak-kanak yang berisiko tinggi. Mereka datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan dan mengalami pelbagai halangan dalam mengecapi kejayaan dalam pendidikan dan seterusnya menyertai pasaran tenaga kerja mahir (Marjoribanks, 2004). Kajian ini akan mendedahkan masalah-masalah yang dihadapi murid-murid ini, khususnya dalam keluarga mereka serta memberi cadangan-cadangan untuk menanganinya.

Kepentingan kajian secara khususnya adalah;

- i. Dapatan kajian ini akan memberi gambaran kepada Kementerian Pelajaran Malaysia tentang pengaruh latar belakang murid Tahap 2 di SJK(T) terhadap tabiat dan minat membaca.
- ii. Bahagian Pendidikan Guru dan Kementerian Pelajaran dapat mendedahkan latar belakang murid-murid di SJK(T) dan kesannya terhadap tabiat dan minat membaca mereka kepada guru-guru pelatih.
- iii. Pihak Pejabat Pendidikan Daerah dan pentadbir sekolah dapat memahami pengaruh latar belakang keluarga murid Tahap 2 di SJK(T) dalam menanam tabiat dan minat membaca.
- iv. Pihak pentadbir sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru dapat bekerjasama untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang pengaruh latar belakang keluarga dalam menanam tabiat dan minat membaca dalam kalangan murid-murid.
- v. Guru-guru di SJK(T) boleh menggunakan dapatan kajian ini sebagai panduan dalam merangka strategi-strategi bersesuaian untuk menanam tabiat dan minat membaca dalam kalangan pelajar.
- vi. Murid-murid dapat mengetahui kepentingan tabiat dan minat membaca dalam hidup mereka.

Kesimpulannya, kajian ini penting dalam konteks pendidikan negara, seiring dengan kemajuan pesat dalam dunia pendidikan. Semua lapisan masyarakat perlu

dilibatkan dalam usaha penguasaan dan aplikasi ilmu dalam mencorakkan masa depan negara. Jika gejala 'malas membaca' dibiarkan, sudah tentu visi negara untuk menjadi negara maju sukar untuk dicapai. Hal ini seterusnya akan mendatangkan impak besar terhadap suasana politik, sosial dan ekonomi negara.

## **1.8 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini memberi tumpuan kepada peranan faktor-faktor keluarga dalam mempengaruhi tabiat dan minat membaca dalam kalangan murid-murid Tahap 2 di SJK(T) Daerah Kulim, Kedah Darulaman. 275 orang murid dari lapan SJK(T) dipilih sebagai responden kajian kuantitatif. Sembilan orang murid daripada responden dipilih secara rawak untuk ditemu bual. Responden temu bual ini mewakili ketiga-tiga kategori sekolah yang dikaji. Semua responden adalah daripada kaum India. Justeru, dapatan kajian ini hanyalah sesuai untuk tempat dan kumpulan yang dikaji sahaja.

## **1.9 DEFINISI OPERASIONAL**

### **1.9.1 Membaca**

Membaca ditakrifkan sebagai memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami maksud kandungannya (Kamus Dewan, 1989: 72). Menurut Ambigapathy (1997), membaca adalah satu proses aktif, kreatif, dan persendirian dalam usaha untuk mencari informasi. Fry (1977) pula mendefinisikan membaca sebagai satu proses memperoleh maklumat daripada

bahan bertulis. Dalam kajian ini membaca ditakrifkan sebagai satu tindakan membaca iaitu seorang individu memilih bahan-bahan bacaan dan kandungan bahan bacaan atas minatnya sendiri serta dengan bantuan keluarga. Individu tersebut seterusnya melibatkan diri dalam aktiviti membaca untuk keseronokan, hiburan dan kepuasan diri.

### **1.9.2 Tabiat Membaca**

Tabiat bermaksud perbuatan biasa atau satu kecenderungan untuk melakukan sesuatu aksi atau mengulangi sesuatu tindakan dalam keadaan serupa atau cara yang sama (Ambigapathy, 1997). Kamus Dewan (1989) mentakrifkan tabiat sebagai perbuatan yang selalu dilakukan. Tabiat membaca dalam kajian ini membawa maksud satu aktiviti bacaan yang dimulakan oleh seorang individu dengan bantuan ibu bapa dan dilakukan secara lazim untuk satu masa tertentu. Tujuannya adalah untuk hiburan, keseronokan, dan kepuasan diri. Masa yang dihabiskan dalam aktiviti ini penting kerana membaca adalah aktiviti yang memerlukan penglibatan dan pelaksanaan. Jika seseorang individu menghabiskan setengah jam sehari untuk membaca, jumlah seminggu masa dia membaca adalah 3 jam setengah dan sesiapa yang menghabiskan lebih daripada 3 jam seminggu untuk membaca demi keseronokan dianggap sebagai memiliki tabiat membaca untuk rekreasi (Gengatharan, 1999).

### **1.9.3 Minat Membaca**

Minat menyebabkan individu memberi perhatian kepada sesuatu hal. Dalam kajian ini, istilah minat membaca merujuk kepada jenis-jenis bahan bacaan dan genre yang sebenarnya dibaca dan digemari oleh individu. Jenis-jenis bahan bacaan yang dimaksudkan adalah buku cerita, komik, majalah, dan surat khabar. Minat juga merujuk kepada penggunaan masa lapang di rumah untuk membaca dan melawat perpustakaan awam untuk membaca dan meminjam bahan bacaan. Selain itu, minat juga dilihat dari segi keinginan murid berbincang tentang bahan yang dibaca dengan kawan-kawan serta kesanggupan mereka menggunakan wang saku untuk membeli bahan bacaan.

### **1.9.4 Latar Belakang (Demografi)**

Dalam kajian ini, faktor latar belakang keluarga murid dilihat dari segi status sosioekonomi iaitu jantina, pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa dan pendapatan bulanan keluarga. Pengkategorian keluarga mengikut taraf sosio ekonomi dibuat berdasarkan Kajian Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2005). Menurut Kementerian ini terdapat 5 peringkat latar belakang sosioekonomi keluarga seperti berikut:

- i. Di bawah garis kemiskinan (bawah pendapatan isi rumah RM529.00 bagi Semenanjung)
- ii. Lebih daripada garis kemiskinan tetapi masih terdiri daripada kumpulan pekerja

- iii. Kelas sederhana seperti bekerja sebagai penyelia, kerani, penyimpan stor dan sebagainya
- iv. Kelas pertengahan seperti guru, penolong pengurus pejabat dan kilang, perniagaan tetap dan sebagainya
- v. Kelas tinggi seperti ahli profesional seperti doktor, peguam, jurutera dan sebagainya.

Untuk tujuan kajian ini, pendapatan bulanan keluarga dipecahkan kepada dua kategori, iaitu RM529 dan ke bawah dan RM530 dan ke atas. Pekerjaan ibu bapa pula dibahagikan kepada tiga kelas, iaitu kelas miskin, kelas pertengahan dan kelas tinggi.

#### **1.9.5 Dorongan Ibu Bapa**

Latar belakang juga dilihat dari segi dorongan ibu bapa kepada anak dalam memupuk tabiat dan minat membaca. Hal ini termasuklah pengalaman murid sebelum mendapat pendidikan secara formal seperti mendengar cerita daripada ibu bapa dan membaca buku-buku cerita dengan bantuan ibu bapa. Dorongan ibu bapa juga dilihat dari segi aktiviti membawa anak-anak ke perpustakaan, memberi hadiah berupa bahan bacaan dan sebagainya.

#### **1.9.6 Suasana Di Rumah**

Suasana di rumah merujuk kepada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh ibu bapa di rumah untuk menggalakkan tabiat dan minat membaca murid. Hal